

## Industry- "Caj Depoh RM5"

A

54

Jumaat, 4 Mei 2012

Setempat

>>Oleh Norul Awatif Romli  
dan Mohamad Naufal  
Mohamad Idris  
am@hmetro.com.my

# Caj depoh RM5

LPK cadang tubuh tempat punggah sendiri atasi kemelut kadar tinggi

**P**ELABUHAN KLANG: Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) bercadang menubuhkan depoh sendiri dengan mengenakan caj paling minimum kepada pemandu dalam usaha menyelesaikan kernelut golongan berkenaan yang dikenakan caj pengendalian sesuka hati.

Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) Datuk Teh Kim Poo berkata, depoh itu akan dibina di luar kawasan kendaliannya iaitu Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat.

Menurutnya, Pelabuhan Klang mempunyai banyak tanah kosong terbiar yang boleh dijadikan depoh tanpa pelaburan tinggi.

"Kita tidak perlu belanja berjuta-juta untuk menaikkan kawasan ini. Kita hanya perlu turap kawasan berkenaan dan boleh dijadikan depoh untuk pemandu melakukan kerja memunggah dan menaikkan barang.

"LPK juga tidak mengenakan caj pengendalian tinggi seperti yang berlaku sekarang kerana depoh di Pelabuhan Utara dan Pelabu-

han Barat hanya mengenakan caj RM5 saja," katanya pada sidang media di pejabat LPK, di sini, semalam.

Beliau berkata, walaupun depoh yang mengenakan caj tinggi itu bukan di bawah kendalian LPK, namun pihaknya sedia membantu menyelesaikan kemelut berkenaan.

Katanya, beliau tidak dapat mencari kata sepakat kerana majikan depoh tidak memberikan kerjasama sepenuhnya dan tidak hadir pada perbincangan berkenaan.

Menurutnya, hanya 20 daripada 29 majikan depoh di luar kawasan LPK yang datang. Dalam 20 yang hadir itu pun ada yang menghantar wakil saja.

"Hari ini (semalam) kami buat mesyuarat lagi panggil mereka tapi yang hadir hanya seorang. Jadi kita tak dapat membuat apa-apa kerana tidak semua yang setuju

**"Kita tidak perlu belanja berjuta-juta untuk menaikkan kawasan ini. Kita hanya perlu turap kawasan berkenaan dan boleh dijadikan depoh untuk pemandu melakukan kerja memunggah dan menaikkan barang"**

>Teh Kim Poo



dengan keputusan yang LPK buat," katanya.

Sementara itu, kira-kira jam 10 pagi, kira-kira 1,000 pemandu kontena berkumpul dan mengadakan de-

monstrasi aman di Pelabuhan Klang Utara, semalam bagi membantah kenaikan caj selain mendakwa operasi depoh sengaja dilengahkan.

Seorang pemandu lori kon-

tena, Yaakob Yahya, 50, meminta pengurusan depoh meminta duit caj turun naik kontena daripada wakil syarikat perkapalan, bukannya daripada pemandu.

"Kami pemandu lori terpaksa menunggu sehingga tiga jam untuk mengambil kontena sedangkan dalam polisi operasi depoh, pihak depoh perlu menyelesaikan pemberian kontena kepada pemandu kontena tidak lebih 45 minit.

"Kami menunggu lebih lama sekiranya mesin untuk mengambil kontena rosak," katanya ketika ditemui semalam.

Yaakob meminta supaya pihak depoh mempercepatkan operasi mereka kerana perkhidmatan yang dibuat tidak 'kena' dengan duit caj turun naik kontena yang meningkat hampir tiga kali ganda berbanding sebelum ini.